

## **AKAUN HONG LEONG PAY&SAVE-i TERMA DAN SYARAT (“T&S”)**

T&S ini hendaklah dibaca bersama-sama secara keseluruhan dengan Terma dan Syarat Am bagi Deposit dan Deposit Perbankan Islam, Terma dan Syarat bagi Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan-i Hong Leong, Terma dan Syarat Bagi Kad Debit-i Hong Leong, Terma dan Syarat untuk Penggunaan HLB Connect dan mana-mana terma dan syarat lain yang berkaitan yang mungkin dikenakan oleh Hong Leong Islamic Bank Berhad (“**HLISB**”) dari semasa ke semasa.

### **Prinsip Syariah**

1. Akaun Hong Leong Pay&Save-i (“**Akaun**”) ialah akaun deposit Islam yang mengguna pakai Prinsip Syariah Tawarruq dan prinsip-prinsip Syariah lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia (“**BNM**”) sekiranya berkenaan.

1.1 “**Tawarruq**” merujuk kepada pelbagai transaksi jual beli. Mekanisme adalah seperti berikut:

- i) HLISB bertindak sebagai Ejen membeli Komoditi bagi pihak Pemegang Akaun (seperti yang ditakrifkan dalam perenggan 2 di bawah) dengan Harga Pembelian.
- ii) HLISB selepas itu sebagai Ejen kepada Pemegang Akaun menjual Komoditi kepada HLISB dengan Harga Jualan berdasarkan Murabahah yang akan dibayar kepada Pemegang Akaun secara bertanggung sepanjang tempoh (setelah mengambil kira apa-apa rebat jika ada).
- iii) HLISB selepas itu menjual Komoditi kepada pihak ketiga secara tunai serta merta.

1.2 “**Ibra**” bermaksud pengabaian hak tuntutan yang diberikan oleh seseorang kepada orang lain yang mempunyai kewajiban (zimmah) yang disebabkan olehnya. ‘Ibra’ atau ‘rebat’ merujuk kepada tindakan seseorang yang melepaskan haknya untuk memungut bayaran yang harus dibayar oleh orang lain. Dalam struktur produk ini, rebat diberikan oleh Pemegang Akaun kepada HLISB pada Harga Jualan. Namun demikian, HLISB boleh mengetepikan haknya untuk rebat yang diberikan oleh Pemegang Akaun, dalam bentuk keuntungan tambahan/bonus yang harus dibayar kepada Pemegang Akaun, jika ada.

1.3 “**Bai’ al-Sarf**” merujuk kepada kontrak pertukaran wang untuk wang yang sama atau berlainan jenis. Dalam ciri ini, Pemegang Akaun akan menjual mata wang kepada HLISB untuk mata wang yang lain secara serta merta dan pada kadar tukaran semasa HLISB.

### **Kelayakan**

**Akaun Pay&Save-i (“Akaun”)** terbuka kepada individu dan pemilik tunggal (“**Pemegang Akaun**”).

Untuk mengelakkan keraguan, individu merujuk kepada warganegara Malaysia dan bukan warganegara Malaysia berumur **lapan belas (18)** tahun ke atas, sama ada atas nama tunggal atau nama bersama.

2. Individu bukan warganegara Malaysia adalah tertakluk pada peruntukan **Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013** dan **Notis Polisi Pertukaran Asing** yang dikeluarkan di bawahnya termasuk definisi Pemastautin.

3. Perkongsian Liabiliti Terhad, Perkongsian Tidak Diperbadankan, Pengamal Profesional, Kelab, Pertubuhan, Persatuan, Sekolah, Perbadanan, Organisasi Bukan Untung dan entiti perniagaan yang lain tidak layak untuk membuka atau mengendalikan Akaun tersebut.
4. Deposit permulaan minimum untuk membuka Akaun ialah **Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50)**.
5. Pencadang tidak diperlukan untuk membuka Akaun dan tiada Buku Akaun akan dikeluarkan.

#### **Kadar Keuntungan**

6. Kadar keuntungan kontrak ("**CPR**") dirumus daripada hasil penambahan kadar tertinggi Keuntungan Simpanan, Keuntungan e-Xtra, Keuntungan Bonus Kad Debit-i dan keuntungan produk Pay&Save-i (jika ada). Bagi Pemegang Akaun yang memohon untuk Ciri Dagangan Sekuriti, kadar tertinggi Keuntungan Bonus Dagangan Saham turut akan dimasukkan dalam pengiraan CPR. Rebat yang tersedia untuk Akaun akan digunakan bagi sebarang bayaran Keuntungan Simpanan, Keuntungan e-Xtra, Keuntungan Bonus Kad Debit-i, dan/atau Keuntungan Bonus Dagangan Saham.
7. Kadar Keuntungan Simpanan, Keuntungan e-Xtra, Keuntungan Bonus Kad Debit-i dan Keuntungan Bonus Dagangan Saham yang terkini boleh didapati di laman sesawang korporat HLISB di [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) ("**Laman Sesawang HLISB**").

#### **Keuntungan Simpanan**

8. Pemegang Akaun layak mendapat Keuntungan Simpanan ("**Keuntungan Simpanan**") sekiranya Pemegang Akaun meletakkan deposit minimum sebanyak **Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000)** dalam transaksi tunggal ke dalam Akaun untuk **tiga (3)** bulan berturut-turut, tertakluk pada T&S yang terkandung di sini.
9. Deposit minimum sebanyak **Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000)** ditakrifkan sebagai sebarang peletakan ke dalam Akaun pada bulan tersebut dengan pengecualian yang berikut:
  - Pengeluaran matang atau pengeluaran pra-matang Deposit Tetap/Deposit Tetap-i ("**FD/FD-i**") daripada mana-mana akaun Hong Leong Bank Berhad ("**HLB**")/HLISB sedia ada;
  - Pemindahan dana intra-bank iaitu pemindahan dana dari akaun HLB/HLISB yang lain (sama ada Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i, Akaun Semasa/Akaun Semasa-i, FD/FD-i, Akaun Pelaburan Berjangka-i atau Akaun Pelaburan Am-i ("**GIA-i**"));
  - Perolehan daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon/sukuk dan/atau Hong Leong Invest Safe yang didepositkan semula ke dalam mana-mana Akaun Semasa/Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i ("**CASA/CASA-i**") Pemegang Akaun;
  - Sebarang transaksi kewangan yang tidak berjaya atau yang dipulangkan ke dalam Akaun.
10. Keuntungan Simpanan dikira dan diakru setiap hari berdasarkan baki akhir harian dan dikreditkan setiap suku tahun pada **1 hari bulan (1 hb.)** bulan pertama suku tahun berikutnya sekiranya kriteria di sini dipenuhi. Jadual tarikh pengkreditan keuntungan untuk setiap suku tahun adalah seperti berikut:

<b>Suku Tahun</b>	<b>Pecahan Bulanan</b>	<b>Tarikh Perkreditan</b>
Suku Pertama	1 Januari sehingga 31 Mac	1 April
Suku Kedua	1 April sehingga 30 Jun	1 Julai
Suku Ketiga	1 Julai sehingga 30 September	1 Oktober
Suku Keempat	1 Oktober sehingga 31 Disember	1 Januari

11. Sekiranya Akaun ditutup sebelum tarikh pengkreditan Keuntungan Simpanan yang berikutnya, Pemegang Akaun bersetuju untuk mengetepikan Keuntungan (jika ada) dan tiada keuntungan akan dibayar pada suku tahun tersebut.

12. Keuntungan Simpanan akan dibayar berdasarkan baki akhir harian adalah seperti berikut:

Jenis Pelanggan	Individu	Pemilik Tunggal
Baki Akhir Harian Minimum	Ringgit Malaysia Seribu (RM1,000)	Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000)
Baki Akhir Harian Maksimum	Ringgit Malaysia Seratus Ribu (RM100,000)	Ringgit Malaysia Seratus Ribu (RM100,000)

13. Kadar Keuntungan Simpanan yang terkini boleh didapati di Laman Sesawang HLISB ([www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my)).

### **Keuntungan e-Xtra**

14. Tertakluk pada T&S yang terkandung di sini, Pemegang Akaun layak mendapat keuntungan tambahan ("**Keuntungan e-Xtra**") setiap bulan sekiranya Pemegang Akaun membuat Bayaran Bil Layak dengan amaun agregat minimum **Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500)** daripada Akaun.

15. "**Bayaran Bil Layak**" bermaksud transaksi pembayaran yang dibuat daripada Akaun melalui HLB Connect Online Banking dan HLB Connect App ("**HLB Connect**") kepada pihak-pihak berikut:

- Pengebil yang disenaraikan dalam HLB Connect;
- Pengebil JomPay;
- Peniaga/pengebil berdaftar FPX (DirectDebit); dan
- HLB/HLISB untuk kad kredit, pinjaman/pembiayaan peribadi, pinjaman/pembiayaan perumahan, pinjaman/pembiayaan kenderaan dan pembiayaan ASB-i.

16. Jumlah maksimum Keuntungan e-Xtra dihadkan pada **Ringgit Malaysia Tiga Puluh (RM30)** sebulan.

17. Keuntungan e-Xtra dikira berdasarkan Baki Purata Harian ("**DAB**") Akaun pada akhir bulan dan dikreditkan setiap 1 hari bulan (**1 hb.**) bulan berikutnya ("**Tarikh Pengkreditan Keuntungan e-Xtra**"). Formula pengiraan Keuntungan e-Xtra adalah seperti berikut:

$$\text{Keuntungan e-Xtra} = \text{DAB} \times \text{Masa (T)} \times \text{Kadar (R)}$$

Nota:

DAB = Jumlah baki lejar akhir harian dalam bulan tersebut / Bilangan hari dalam bulan tersebut

Masa (T) = Bilangan hari dalam bulan tersebut / Bilangan hari dalam setahun, iaitu 365 hari

Kadar (R) = Kadar Keuntungan e-Xtra

18. Bayaran Bil Layak yang tidak berjaya atau dipulangkan tidak akan diambil kira dalam pengiraan Keuntungan e-Xtra. Sekiranya Akaun ditutup sebelum tarikh pengkreditan Keuntungan e-Xtra yang berikutnya, Pemegang Akaun bersetuju untuk mengetepikan Keuntungan e-Xtra (jika ada) dan Keuntungan e-Xtra yang telah diakru akan terbatal.

19. Kadar Keuntungan e-Xtra yang terkini boleh didapati di Laman Sesawang HLISB.

### Keuntungan Bonus Kad Debit-i

20. Tertakluk kepada T&S yang terkandung di bawah, Pemegang Akaun layak mendapat Keuntungan Bonus (“**Keuntungan Bonus Kad Debit-i**”) sekiranya Pemegang Akaun telah membuat Transaksi Layak seperti yang ditakrif di dalam Klausa 22 dengan amaun kumulatif minimum **Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500)** dengan menggunakan Kad Debit-i Hong Leong (“**Kad Debit-i**”).
21. Jumlah maksimum Keuntungan Bonus Kad Debit-i dihadkan pada **Ringgit Malaysia Tiga Puluh (RM30)** sebulan.
22. Transaksi runcit Kad Debit-i yang layak mendapat Keuntungan Bonus Kad Debit-i adalah seperti berikut (“**Transaksi Layak**”):

No.	Transaksi Layak	Kadar Maksimum Kad Debit-i Bonus Keuntungan
1	Petrol	RM30
2	Membeli-belah	
3	Keperluan dapur	
4	Restoran	
5	Lain-lain penggunaan Kad Debit-i	

23. Transaksi Layak yang berjaya akan direkodkan di dalam sistem HLISB dan sebarang pemulangan transaksi runcit Kad Debit-i tidak layak untuk pengiraan Keuntungan Bonus Kad Debit-i.
24. Tarikh rekod Transaksi Layak akan digunakan untuk pengiraan jumlah perbelanjaan Transaksi Layak menerusi Kad Debit-i setiap bulan.
25. Untuk mengelakkan keraguan, jika tarikh dan masa Transaksi Layak direkodkan dalam sistem HLISB berbeza daripada tarikh penggunaan oleh Pemegang Kad Debit-i, tarikh dan masa yang direkod dalam sistem HLISB akan diguna pakai.
26. Keuntungan Bonus Kad Debit-i dikira berdasarkan **DAB** pada akhir bulan.
27. Keuntungan Bonus Kad Debit-i dikira berdasarkan DAB pada akhir bulan dan dikreditkan pada setiap 1 hari bulan (1 hb.) dalam bulan berikutnya. Formula pengiraan Keuntungan Bonus Kad Debit-i sekiranya kriteria yang ditetapkan dipenuhi adalah seperti berikut:

$$\text{Keuntungan Bonus Kad Debit-i} = \text{DAB} \times \text{Masa (T)} \times \text{Kadar (R)}$$

#### Nota:

DAB	=	Jumlah baki lejar akhir harian dalam bulan tersebut / Bilangan hari dalam bulan tersebut
Masa (T)	=	Bilangan hari dalam bulan tersebut / Bilangan hari dalam setahun, iaitu 365 hari
Kadar (R)	=	Kadar Keuntungan Bonus Kad Debit-i

28. Transaksi Layak yang tidak berjaya atau dipulangkan tidak akan diambil kira dalam pengiraan Keuntungan Bonus Kad Debit-i. Sekiranya Akaun ditutup sebelum tarikh pengkreditan Keuntungan Bonus Kad Debit-i yang berikutnya, Pemegang Akaun bersetuju untuk mengetepikan Keuntungan Bonus Kad Debit-i (jika ada) dan Keuntungan Bonus Kad Debit-i yang telah diakru akan terbatal.
29. Kadar Keuntungan Bonus Kad Debit-i yang terkini boleh didapati di Laman Sesawang HLISB.

### Ciri Dagangan Sekuriti

Berikut merupakan terma, syarat dan takrifan yang akan terpakai pada Pemegang Akaun individu yang telah memohon untuk Ciri Dagangan Sekuriti ("**T&S Dagangan Sekuriti**"). Sekiranya terdapat sebarang konflik atau ketidakselarasan di antara T&S Dagangan Sekuriti dan T&S ini, T&S Dagangan Sekuriti akan terpakai.

**Untuk mengelakkan keraguan, keuntungan bonus dagangan sekuriti tidak terpakai bagi pemilik tunggal.**

30. Ciri Dagangan Sekuriti hanya akan dibenarkan untuk Pemegang Akaun yang telah memenuhi syarat-syarat berikut:
  - 30.1. Pemegang Akaun telah mendaftar untuk HLB Connect dan telah memohon untuk Ciri Dagangan Sekuriti;
  - 30.2. Pemegang Akaun telah membuka akaun dagangan saham ("**Akaun Dagangan**") dengan Hong Leong Investment Bank Berhad ("**HLIB**") melalui HLISB dan akaun Sistem Depositori Pusat ("**Akaun CDS**") melalui HLIB yang akan dihubungkan kepada Akaun untuk tujuan dagangan sekuriti di Bursa Malaysia Securities Berhad ("**Bursa Malaysia**") dan/atau bursa sekuriti lain yang diluluskan sebagaimana yang ditentukan oleh HLISB dari semasa ke semasa ("**Sekuriti Yang Diluluskan**");
  - 30.3. Akaun tersebut akan dihubungkan kepada Akaun Dagangan dan Akaun CDS; dan
  - 30.4. Semua urusan niaga Sekuriti Yang Diluluskan akan dilaksanakan melalui HLIB dengan menggunakan perkhidmatan pelabur elektronik HLIB yang dikenali sebagai HLeBroking ("**Perkhidmatan HLeBroking**") dan diakses melalui HLB Connect. Pautan ke Perkhidmatan HLeBroking akan tersedia di HLB Connect sebagai cara alternatif untuk Pemegang Akaun mengakses Perkhidmatan HLeBroking.
31. Setiap belian Sekuriti Yang Diluluskan oleh Pemegang Akaun dengan menggunakan Akaun Dagangan yang dibuka menurut Klausula 30.2 di atas adalah tertakluk pada Dana Yang Tersedia (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 33 di bawah).
32. "**Dana Yang Tersedia**" bermaksud jumlah wang yang ada di dalam Akaun dan tersedia untuk digunakan oleh Pemegang Akaun, termasuk penggunaan Dana Yang Tersedia untuk tujuan pembelian Sekuriti Yang Diluluskan melalui HLIB.
33. Dana Yang Tersedia di dalam Akaun akan dikendalikan secara berikut:
  - 33.1 Had Dagangan untuk pembelian Sekuriti Yang Diluluskan
    - 33.1.1 Had dagangan yang tersedia kepada Pemegang Akaun untuk membeli Sekuriti Yang Diluluskan melalui Perkhidmatan *HLeBroking* adalah dikira dan ditentukan oleh HLISB, berdasarkan Dana Yang Tersedia ("**Had Dagangan**") dengan mengambil kira anggaran komisen pembrokeran dan kos-kos lain yang berkaitan dengan pembelian Sekuriti Yang Diluluskan ("**Kos Transaksi**").

- 33.1.2 Had Dagangan akan dipinda dari semasa ke semasa berdasarkan baki kredit yang tersedia di dalam Akaun serta pengiraan dan penentuan Had Dagangan oleh HLISB adalah yang terakhir dan muktamad.
- 33.1.3 Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa sekuriti yang dijual oleh Pemegang Akaun dengan menggunakan Akaun Dagangan tidak akan diambil kira oleh HLISB dalam menentukan Had Dagangan sebelum tarikh penyelesaian jualan tersebut.
- 33.1.4 Tanpa prejudis kepada hak pengiraan dan penentuan HLISB sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, semua amaun yang diperuntukkan untuk pembelian apa-apa Sekuriti Yang Diluluskan (termasuk Kos Transaksi belum bayar) dan/atau apa-apa transaksi perbankan yang lain (termasuk perbelanjaan runcit melalui Kad Debit-i) akan ditolak dan tidak boleh menjadi sebahagian daripada Dana Yang Tersedia bagi pengiraan Had Dagangan.
- 33.2 Peruntukan untuk pesanan belian
- 33.2.1. Dana Yang Tersedia akan diperuntukkan sebaik sahaja pesanan belian untuk Sekuriti Yang Diluluskan dibuat, di mana amaun yang diperuntukkan adalah bersamaan dengan jumlah harga belian Sekuriti Yang Diluluskan dan Kos Transaksi. Amaun yang diperuntukkan tidak akan tersedia untuk pengeluaran dan/atau pemindahan oleh Pemegang Akaun sehingga tarikh penyelesaian menurut Peraturan Sistem Penyerahan dan Penyelesaian Tetap Bursa Malaysia ("**Peraturan FDSS**"), di mana:
- (a) ia akan digunakan untuk penyelesaian harga belian dan Kos Transaksi Sekuriti Yang Diluluskan yang dibeli; atau
  - (b) peruntukan akan dilepaskan sekiranya pesanan belian tidak berjaya dipadankan.
- 33.3 Penyelesaian dagangan
- 33.3.1 Pada tarikh penyelesaian menurut Peraturan FDSS, HLISB dengan ini diberi kuasa oleh Pemegang Akaun untuk menggunakan amaun yang diperuntukkan menurut Klausula 33.2 seperti berikut:
- (a) Bagi penyelesaian semua kontrak belian di bawah Akaun Dagangan; dan/atau
  - (b) Bagi penyelesaian kontrak belian di mana kaunter yang akan diserahkan untuk kontrak belian yang telah dilaksanakan, digantung daripada dagangan oleh badan kawal selia yang berkaitan
- 33.3.2 Sekiranya amaun yang diperuntukkan tidak mencukupi untuk penyelesaian semua kontrak belian, Pemegang Akaun mesti menyelesaikan perbezaan di antara harga belian dan Kos Transaksi Sekuriti Yang Diluluskan yang dibeli ("**Jumlah Perbezaan**") sebelum HLISB mengirim amaun yang diperuntukkan tersebut kepada HLISB.
- 33.3.3 Sekiranya HLISB dinasihati oleh HLIB akan adanya kerugian kontra, nota debit dan perbelanjaan yang ditanggung secara munasabah berkaitan dengan dan mematuhi terma dan syarat Akaun Dagangan ("**Kerugian Kontra/Nota Debit**"), HLISB dengan ini diberi kuasa oleh Pemegang Akaun untuk mendebit Akaun Pemegang Akaun untuk Kerugian Kontra/Nota Debit tersebut sebagaimana yang dinasihati oleh HLIB kepada HLISB tanpa perlu mendapatkan keizinan bertulis terlebih dahulu daripada Pemegang Akaun.

- 33.3.4 Apa-apa dan semua hasil jualan yang diterima untuk Akaun Dagangan akan dikreditkan ke dalam Akaun menurut Peraturan FDSS. Sekiranya HLISB dinasihati oleh HLIB akan adanya keuntungan kontra, keuntungan kontra tersebut akan dikreditkan ke dalam Akaun tidak lewat dari **tiga (3)** hari dari tarikh kontra.
34. Apabila memperuntukkan Dana Yang Tersedia sebaik sahaja pesanan belian dibuat oleh Pemegang Akaun untuk belian Sekuriti Yang Diluluskan, HLISB tidak akan bertanggungjawab untuk memeriksa dan memastikan bahawa terdapat wang yang mencukupi di dalam Akaun selepas peruntukan dana tersebut dibuat bagi memenuhi apa-apa Arahan Tetap yang telah diatur oleh Pemegang Akaun. Pemegang Akaun bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan terdapat wang yang mencukupi di dalam Akaun untuk memenuhi sebarang Arahan Tetap yang telah diberikan pada HLISB dan HLISB tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan tertakluk kepada apa-apa tuntutan, kerugian, liabiliti, kewajipan, denda, kos dan perbelanjaan akibat atau berkaitan dengan Arahan Tetap yang tidak berjaya.
35. Hanya untuk dan kecuali pindaan berikut yang terpakai ke atas Akaun, Terma dan Syarat Am Akaun HLISB akan terpakai ke atas Akaun:
- 35.1 Pengendalian Akaun yang dipegang secara bersama oleh **dua (2)** atau lebih individu adalah berdasarkan bahawa mana-mana Pemegang Akaun boleh mengendalikan Akaun pada bila-bila masa; dan
- 35.2 Tiada fasiliti cek disediakan untuk Akaun.
36. Pemegang Akaun yang telah berjaya melanggan Ciri Dagangan Sekuriti dengan ini memberi kuasa yang tidak boleh ditarik balik dan membenarkan HLISB, pegawai dan kakitangannya untuk mendedahkan dan menyediakan semua maklumat berkaitan Akaun kepada HLIB untuk memudahkan urusan niaga Sekuriti Yang Diluluskan menurut arahan Pemegang Akaun serta memudahkan pengendalian Akaun Dagangan dan Akaun CDS menurut Ciri Dagangan Sekuriti.

#### **Keuntungan Bonus Dagangan Sekuriti**

37. Pemegang Akaun layak mendapat keuntungan bonus dagangan sekuriti ("**Keuntungan Bonus Dagangan Sekuriti**") sekiranya Pemegang Akaun telah berjaya membuat sekurang-kurangnya **satu (1)** belian atau jualan Sekuriti Yang Diluluskan dengan menggunakan Akaun Dagangan, tertakluk pada T&S yang terkandung di sini.
38. Keuntungan Bonus Dagangan Saham akan dikira secara berperingkat berdasarkan jumlah amaun dagangan oleh Pemegang Akaun dalam bulan tersebut ("**Jumlah Amaun Dagangan Bulanan**" atau "**MTA**").

#### **Nota :**

#### **Kiraan Jumlah Amaun Dagangan Bulanan (MTA) adalah seperti berikut:**

- (i) Untuk transaksi *Belian*:  
 $MTA = [\text{Unit} \times \text{Harga Belian}] + \text{Kos Transaksi}$
- (ii) Untuk transaksi *Jualan*:  
 $MTA = [\text{Unit} \times \text{Harga Jualan}] - \text{Kos Transaksi}$
39. Semakin banyak MTA yang dibuat dalam sebulan, semakin tinggi Keuntungan Bonus Dagangan Sekuriti yang diperoleh atas baki kredit di dalam Akaun.

40. Keuntungan Bonus Dagangan Sekuriti dikira berdasarkan DAB Akaun pada akhir bulan mengikut formula berikut:

$$\text{Keuntungan Bonus Dagangan Sekuriti} = \text{DAB} \times \text{Masa (T)} \times \text{Kadar (R)}$$

**Nota:**

DAB	=	Jumlah baki lejar akhir harian dalam bulan tersebut / Bilangan hari dalam bulan tersebut
Masa (T)	=	Bilangan hari dalam bulan tersebut / Bilangan hari dalam setahun, iaitu 365 hari
Kadar (R)	=	Kadar Keuntungan Bonus Dagangan Sekuriti berdasarkan MTA pada akhir bulan

41. Kadar Keuntungan Bonus Dagangan Sekuriti yang terkini boleh didapati di Laman Sesawang HLISB.

42. Keuntungan Bonus Dagangan Sekuriti dikira setiap bulan dan dikreditkan pada **1 hari bulan (1 hb.)** bulan berikutnya.

Sekiranya Akaun ditutup sebelum tarikh pengkreditan Keuntungan Bonus Dagangan Saham yang berikutnya, Pemegang Akaun bersetuju untuk mengetepikan Keuntungan Bonus Dagangan Sekuriti (jika ada) dan keuntungan yang telah diakru akan terbatal.

**Ciri Pelbagai Mata Wang**

Berikut merupakan terma, syarat dan takrifan yang akan terpakai pada Pemegang Akaun yang telah mengaktifkan Ciri Pelbagai Mata Wang ("**MCF**") ("**Terma dan Syarat MCF**").

43. "**Ciri Pelbagai Mata Wang**" atau "**MCF**" merujuk kepada mata wang asing yang disimpan dalam Akaun yang diluluskan oleh HLISB untuk MCF yang membolehkan Pemegang Akaun untuk:

- (a) menyimpan mata wang asing yang diluluskan oleh HLISB dari semasa ke semasa;
- (b) menukar Ringgit Malaysia ke mata wang asing atau sebaliknya dalam Akaun Diaktifkan MCF (seperti ditakrifkan di bawah) melalui cawangan HLB/HLISB atau HLB Connect;
- (c) menukar satu mata wang asing ke mata wang asing yang lain di dalam Akaun Diaktifkan MCF melalui cawangan HLB/HLISB atau HLB Connect;
- (d) menerima mata wang asing ke dalam Akaun melalui Pemindahan Masuk Telegraf; dan
- (e) pemindahan dana intra bank dalam mata wang asing yang sama antara Pemegang Akaun dan Akaun Mata Wang Asing.

Bagi mengelakkan keraguan, MCF hanya tersedia untuk Akaun Diaktifkan MCF yang dipegang oleh Pemegang Akaun persendirian sahaja. Senarai terkini mata wang yang diluluskan untuk MCF boleh didapati di Laman Sesawang HLISB.

"**Akaun Diaktifkan MCF**" bermaksud Akaun Pemegang Akaun yang telah diaktifkan dengan MCF dan diluluskan oleh HLISB.



44. Kecuali bagi Klausula 43 (e), mata wang asing yang disimpan tidak boleh dipindah milik terus dari Akaun Diaktifkan MCF melalui pemindahan dana Inter atau Intra bank, kepada akaun HLB/ HLISB dan akaun bukan HLB/HLISB lain (sama ada CASA/CASA-i, FD/FD-i, Akaun Berjangka Pelaburan-i atau GIA-i).
45. Mata wang asing yang disimpan dalam Akaun Diaktifkan MCF beroperasi tanpa tunai. Tiada penerimaan mata wang asing fizikal melalui mana-mana saluran kepada Akaun/Pemegang Akaun yang akan dikreditkan ke dalam Akaun Diaktifkan MCF.
46. Mata wang yang tersedia untuk MCF adalah ditentukan oleh HLISB dari semasa ke semasa. Sekiranya HLISB memperkenalkan mata wang asing baru, T&S MCF ini akan terpakai untuk mata wang baru tersebut. Sebarang variasi atau pengenalan mata wang baru boleh didapati di Laman Sesawang HLISB.
47. HLISB bukanlah platform dagangan mata wang. Oleh itu, semua Pemegang Akaun dinasihatkan supaya tidak menyalahgunakan perkhidmatan HLISB, termasuk Akaun Diaktifkan MCF untuk tujuan ini.
48. Pemegang Akaun memperakui dan bersetuju bahawa terdapat risiko dalam transaksi mata wang asing termasuk tetapi tidak terhad kepada risiko perubahan kadar pertukaran, penilaian dan penurunan nilai mata wang, cukai, pemindahan paksaan atau perubahan dalam dasar kerajaan atau sebab-sebab lain yang di luar kawalan HLISB.
49. Pemegang Akaun bersetuju bahawa HLISB berhak untuk melakukan penukaran atau penukaran semula mana-mana mata wang sebagaimana yang disyaratkan oleh undang-undang, sebarang peraturan dan undang-undang sedia ada dan/atau HLISB untuk pembayaran, pemotongan dan/atau penahanan sebarang fi, caj, cukai atau pungutan lain. HLISB tidak akan bertanggungjawab kepada Pemegang Akaun atau mana-mana pihak lain atas sebarang kerugian yang dialami atau ditanggung oleh Pemegang Akaun atau mana-mana pihak lain disebabkan oleh penukaran atau penukaran semula yang dilakukan berdasarkan Klausula 49 ini.
50. Operasi, sumber dan penggunaan dana ke dan dari Akaun Diaktifkan MCF ditadbirkan mengikut Pelaburan Akaun Mata Wang Asing ("**Pelaburan FCA**") di bawah Notis-Notis Polisi Pertukaran Asing, peraturan dan arahan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("**BNM**") dari semasa ke semasa termasuk pindaan padanya dari semasa ke semasa. Di samping itu, Pemegang Akaun Pemastautin dengan pinjaman ringgit domestik adalah tertakluk pada had maksimum agregat bersamaan **Ringgit Malaysia Satu Juta (RM1,000,000)** setiap tahun kalendar.
51. HLISB tidak akan bertanggungjawab atau tidak bertanggung di atas pengurangan nilai mata wang deposit disebabkan oleh cukai, penyamaran, susut nilai atau penurunan nilai, atau untuk ketiadaan mata wang disebabkan oleh sekatan ke atas pertukaran, permintaan, pemindahan secara paksaan, penggunaan kuasa tentera atau rampasan kuasa, atau sebab-sebab lain yang di luar kawalan HLISB.
52. Bagi Akaun Diaktifkan MCF yang tidak aktif, sebelum dana dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut seperti yang diperuntukkan di dalam Akta Wang Tidak Dituntut 1965, semua mata wang yang diaktifkan MCF akan ditukar kembali kepada Ringgit Malaysia berdasarkan kadar tukaran asas **dua (2)** hari sebelum pemindahan dilakukan.

### Yuran dan Caj

53. Yuran dan caj standard untuk Akaun ini dan Kad Debit-i adalah terpakai. Sila layari Laman Sesawang HLISB atau imbas kod QR di bawah untuk maklumat lanjut.



### Penyata Akaun

54. Penyata akaun akan dikeluarkan pada setiap bulan.

### Ciri-ciri Produk Variasi

55. HLISB berhak untuk meminda, mengubah atau mengubah mana-mana ciri produk untuk Akaun ini pada bila-bila masa mengikut Klausula 56 T&S ini.

### Umum

56. Pindaan: HLISB mempunyai hak pada bila-bila masa dengan memberi notis **dua puluh satu (21)** hari terlebih dahulu untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda T&S yang terkandung di sini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, menurut budi bicaranya yang mutlak dengan menyiarkannya di Laman Sesawang HLISB atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLISB. Pemegang Akaun bersetuju untuk mengakses laman sesawang tersebut dari semasa ke semasa untuk menyemak T&S dan memastikan supaya apa-apa perubahan atau pindaan kepada T&S sentiasa diikuti.

57. Penyalahgunaan Akaun: Semua Pemegang Akaun diingatkan untuk sentiasa melindungi Akaun mereka dan jangan sekali-kali membenarkannya digunakan oleh sesiapa selain daripada mereka sendiri. Sebarang penyalahgunaan Akaun boleh atau mungkin boleh membawa kepada tindakan undang-undang.

**Ahli PIDM. Akaun Hong Leong Pay&Save-i dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.**

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai T&S, sila e-mel kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my).